

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG**  
**[SIMPANG RENGAM]**  
**TARIKH : 08.04.2014 [SELASA]**

**TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah CMO yang diiktiraf oleh kementerian untuk mengutip royalti dan apakah tarif baru yang akan dikenakan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Mulai 01 Jun 2012, Kerajaan telah menguatkuasakan satu peruntukan undang – undang baharu yang mewajibkan mana – mana badan kutipan royalti (CMO) yang ingin menjalankan kutipan royalti perlu berdaftar di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Tujuannya adalah untuk memastikan badan kutipan royalti atau Badan Pelesenan yang diisytiharkan oleh Kerajaan akan melaksanakan tanggungjawab serta tadbir urus yang telus dan mempunyai akauntabiliti terhadap ahli – ahli.

Sehingga kini, terdapat empat (4) Badan Pelesenan yang telah diisytiharkan oleh Pengawal Hak Cipta yang berkaitan industri muzik. Empat Badan Pelesenan tersebut adalah:

- i) **Music Authors' Copyright Protection (MACP) Berhad**  
[ Diisytihar pada 28/9/2012 – Mewakili komposer, penulis lirik ]
- ii) **Public Performance Malaysia (PPM) Sdn Bhd**  
[ Diisytihar pada 5/3/2013 – Mewakili syarikat rakaman ]
- iii) **Recording Performers Malaysia (RPM) Berhad**  
[ Diisytihar pada 6/3/2013 – Mewakili pelaku rakaman, penyanyi ]
- iv) **Performers Rights & Interest Society of Malaysia (PRISM) Berhad**  
[ Diisytihar pada 1/7/2013 – Mewakili pelaku rakaman, penyanyi ]

Badan Pelesenan ini hendaklah mengemukakan Laporan Tahunan kepada Pengawal Hak Cipta yang akan membuat semakan terhadap